



**NOTA MAKLUMAT DAN PANDUAN MARIN
MARINE INFORMATION AND GUIDANCE NOTE**

NMPM 2 /2013

JABATAN LAUT MALAYSIA

Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.

Tel: 03-3346 7600 Fax: 03-3168 5289 E-mail: kpgm@marine.gov.my

Website:<http://www.marine.gov.my>

**PERMOHONAN BANTUAN KHAIRAT KEMATIAN DARI KUMPULAN WANG PUSAT
PERDAGANGAN LAUT, JABATAN LAUT MALAYSIA**

**APPLICATION FOR FINANCIAL ASSISTANCE FROM CENTRAL MERCANTILE MARINE
FUND, MARINE DEPARTMENT MALAYSIA**

Kaedah Perkapalan (Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut 1984) adalah dirujuk
Merchant Shipping (Central Mercantile Marine Fund) Rules 1984) is referred.

Nota kepada Pelaut dan Komuniti Perkapalan.

Note to Seafarers and Shipping community

1. Notis ini adalah untuk memaklumkan bahawa Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut (KWPPL), Jabatan Laut Malaysia menyediakan bantuan khairat kematian kepada ‘Orang Tanggungan’ pelaut Malaysia yang telah meninggal dunia.

2. Waris yang memenuhi kriteria-kriteria seperti yang ditetapkan dalam **lampiran 1** boleh membuat permohonan menggunakan borang di **lampiran 2**.

3. Borang permohonan yang lengkap beserta dokumen sokongan hendaklah dihantar kepada:

Ketua Pengarah
Jabatan Laut Malaysia,
Peti Surat 12, Jalan Limbungan,
42007, Pelabuhan Kelang,
Selangor Darul Ehsan.
(U/P: Ketua Penolong Pengarah,
Unit Pembangunan Pelaut)

1. This notice informs that the Central Mercantile Marine Fund (CMMF), Marine Department Malaysia, provides financial assistance to the next of kin of a deceased Malaysian seafarer.

2. Next of kin fulfilling the criteria as listed in **appendix 1** may apply using the application form attached in **appendix 2**.

3. Completed application forms and supporting documents shall be submitted to:

Director General
Marine Department Malaysia,
P.O Box 12, Jalan Limbungan,
42007, Port Klang,
Selangor Darul Ehsan.
(Attn: Principal Assistant Director
Seafarer's Development Unit)

4. Dengan pengeluaran notis ini, Nota Maklumat dan Panduan Marin 3/2011 adalah TERBATAL.

4. *This notice repeals Marine Information and Guidance Note (MIGN) 3/2011.*

Ketua Pengarah Laut
Director General of Marine
Tarikh: 25 Mac 2013

LAMPIRAN 1/ APPENDIX 1

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN KHAIRAT KEMATIAN
REQUIREMENTS OF APPLICATION FOR FINANCIAL ASSISTANCE

“Orang tanggungan” ertiannya isteri dan anak, termasuklah anak angkat seseorang pelaut, pada keseluruhannya atau sebahagiannya bergantung kepada pendapatannya pada masa kematianya.

“Dependants” means the wife and children, including adopted children of a seafarer, who are wholly or partly dependent on his earnings at the time of his death.

Syarat-syarat kelayakan permohonan adalah seperti berikut:

Requirements of application are as follows;

- i. Pelaut yang telah meninggal dunia merupakan seorang warganegara Malaysia dan memegang kad pelaut yang sah.
i. The deceased seafarer is a Malaysian citizen holding a valid seafarer identification card.
- ii. Pelaut yang telah meninggal dunia telah berkhidmat diatas kapal atau telah/sedang menghadiri kursus maritim dalam tempoh 12 bulan yang terakhir.
ii. The deceased seafarer has either served on board ship or attended a maritime course within the last 12 months period.
- iii. Pemohonan bantuan kewangan hendaklah dibuat oleh orang tanggungan dengan mengisi borang seperti dilampiran 2.
iii. Dependents wishing financial assistance are to complete the application form as attached in appendix 2.
- iv. Mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti dalam borang permohonan.
iv. Submit supporting documents as required in the application form.
- v. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada KWPL dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh kematian.
v. Completed forms are to be submitted to CMMF within three month from the date of death of the seafarer.



KUMPULAN WANG PUSAT PERDAGANGAN LAUT

Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia, Peti Surat 12,
42007 Pelabuhan Klang, Selangor.
Tel : 03-3346 7777 Faks.: 03-3346 7778

BORANG TUNTUTAN SUMBANGAN KHAIRAT KEMATIAN

Nama Pelaut :

No. Kad Pelaut :

Tarikh Kematian :

Nama Orang Tanggungan/Penuntut:.....

No. Kad Pengenalan: Hubungan Dengan Pelaut:

Alamat Kediaman Terkini:
.....

No. Telefon :

Bersama-sama ini saya sertakan dokumen-dokumen berikut:

1.	Salinan Kad Pelaut	
2.	Salinan Kad Pengenalan Pelaut	
3.	Salinan Kad Pengenalan Waris/Penuntut	
4.	Salinan Sijil Kematian/Permit Pengkebumian	
5.	Salinan Buku Perkhidmatan Pelaut	
6.	Salinan Sijil Perakuan Nikah (jika penuntut adalah balu)	
7.	Salinan Surat Beranak (jika penuntut adalah waris)	
8.	Salinan Buku Bank /Orang tanggungan Balu/Waris	

Tandatangan Waris/Penuntut:

Tarikh.....

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Disemak Oleh:

Diluluskan Oleh:

Tandatangan:

Tandatangan:

Nama:
Tarikh:

Nama:
Tarikh:

SUMBANGAN KHAIRAT KEMATIAN
TUJUAN
Untuk meringankan beban keluarga dan perbelanjaan pengkebumian pelaut yang telah meninggal dunia.
KELAYAKAN MENERIMA SUMBANGAN KHAIRAT KEMATIAN
Setiap pelaut Malaysia yang telah berdaftar dan aktif, maka keluarga pelaut berkenaan layak menerima sumbangan khairat kematian yang disediakan oleh pihak Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut (KWPPL).
KADAR SUMBANGAN
Setiap pelaut Malaysia yang telah meninggal dunia semasa bertugas diatas kapal laut atau terbukti telah berkhidmat diatas kapal laut, waris atau keluarganya layak menerima sumbangan khairat kematian sebanyak RM 3,000.00 sahaja.
Pemberian sumbangan akan dibuat kepada
<ol style="list-style-type: none"> jika bujang- kepada ibu atau bapa; jika berkahwin-kepada isteri atau suami; jika duda –kepada salah seorang anak yang telah berumur 18 tahun ke atas. Jika tiada mempunyai anak, kepada ibu atau bapa atau waris yang didaftarkan; Jika balu- kepada salah seorang anak yang telah berusia 18 tahun ke atas. Jika tiada anak, kepada ibu atau waris yang didaftarkan; Jika seseorang pelaut itu tiada mempunyai keluarga seperti yang tersebut diatas, maka sumbangan khairat kematian tersebut akan diberikan kepada waris yang didaftarkan atau sesiapa yang diputuskan oleh jawatankuasa layak menerimanya yang telah menguruskan pengkebumian jenazah pelaut berkenaan .
KELAYAKAN
<ol style="list-style-type: none"> Warganegara Malaysia; Berdaftar sebagai pelaut Malaysia; Pelaut yang telah meninggal dunia telah berkhidmat diatas kapal atau telah/sedang menghadiri kursus maritim dalam tempoh 12 bulan yang terakhir.
SYARAT-SYARAT
Bagi membuat pembayaran sumbangan khairat kematian, keluarga atau waris pelaut hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen yang berikut:-
<ol style="list-style-type: none"> Borang permohonan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh kematian; Satu (1) salinan sijil kematian pelaut (permit pengkuburan jika sijil kematian belum diperolehi) yang disahkan oleh Ketua Polis Daerah atau Pegawai Perubatan yang mana berkenaan; Satu (1) salinan kad pengenalan allahyarham. Satu (1) salinan kad pelaut yang masih sah dan salinan buku perkhidmatan pelaut. Satu (1) salinan kad pengenalan balu/waris ; Satu (1) salinan sijil perakuan nikah jika penerima adalah balu Satu (1) salinan surat beranak-jika penerima adalah waris; Satu (1) salinan muka surat butiran buku akaun bank/ balu waris